



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENTERJEMAHAN KATA NAMA KHAS TEMPAT DALAM
BUKU PENGEMBARAAN IBN BATTUTAH***

SAHRULAZMI BIN SIDEK

FBMK 2015 53



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERDAKTI

**PENTERJEMAHAN KATA NAMA KHAS TEMPAT DALAM
BUKU *PENGEMBARAAN IBN BATTUTAH***

Oleh

SAHRULAZMI BIN SIDEK

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENTERJEMAHAN KATA NAMA KHAS TEMPAT DALAM
BUKU *PENGEMBARAAN IBN BATTUTAH***

Oleh

SAHRULAZMI BIN SIDEK

Julai 2015

Pengerusi : Prof. Madya Muhammad Fauzi bin Jumingan, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pembaca teks sejarah Islam sering menemui dua atau lebih versi ejaan perkataan untuk nama tempat yang sama seperti Mekah atau Makkah; Damsyik, Damsyiq atau Dimasyq; Ghazzah atau Gaza; Antakiah atau Antaqiah; Transoxiana atau Ma Wara' al-Nahr serta banyak lagi. Ejaan-ejaan yang berbagai untuk satu kata nama ini bukan semata-mata menyebabkan kekeliruan dan kecelaruan kepada pengguna bahasa Melayu, malah mereka tidak mengetahui yang manakah ejaan Kata nama khas tempat (KNKT) yang standard. Oleh itu, kajian ini cuba membincangkan KNKT BA sejarah Islam dan padanan BM Rumi serta strategi terjemahannya. Di samping itu, kajian ini turut meneliti rekod penggunaan KNKT oleh pengguna bahasa Melayu. Objektif kajian ini menganalisis dan menilai terjemahan KNKT dalam BM Rumi, seterusnya merumus strategi penterjemahan KNKT tersebut. Kajian tesis ini adalah berbentuk kajian kualitatif melalui kaedah analisis dokumen. Data kajian sebanyak 250 KNKT BA dikenal pasti daripada kitab *Rihlat Ibn Battutah* (RIB) dan padanan terjemahan BM Rumi daripada buku *Pengembaraan Ibnu Battutah* (PIB) oleh Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Dom. Selain itu, data turut diambil daripada web *Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka* (KDBP) untuk meneliti rekod penggunaan setiap KNKT dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Data daripada kitab *Mu'jam al-Buldan* turut diambil untuk menilai ketepatan sebutan (bunyi) asal Arab. Data tersebut akan dibincangkan dan dianalisis dengan menggunakan dua teori yang dipilih secara elektik, iaitu panduan terjemahan *proper names* oleh James Dickins, Sandor Hervey, dan Ian Higgins serta prinsip-prinsip bahasa oleh Za'ba bagi menghasilkan kajian secara tuntas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan KNKT BM Rumi masih kurang dan penggunaan atau ejaan yang direkodkan adalah pelbagai ragam. Penterjemah RIB dalam menterjemah KNKT cenderung menggunakan strategi tahap pinjaman budaya (*cultural borrowing*) dengan meniru sebutan (bunyi) bahasa asal Arabnya. Penterjemah memilih untuk menggunakan transliterasi pendekatan *ad hoc* (*ad hoc approach*) iaitu teknik ejaan tanpa menggunakan lambang-lambang diakritik.

Abstrac of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Doctor of Philosophy

**THE TRANSLATION OF PROPER NOUNS OF PLACES
IN *PENGEMBARAAN IBN BATTUTAH***

By

SAHRULAZMI BIN SIDEK

July 2015

Supervisor : Associate Profesor Muhammad Fauzi bin Jumingan, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Islamic history text readers often find two or more versions of spelling words to name the same place as Mekah or Makkah; Damsyik, Damsyiq or Dimasyq; Ghazzah or Gaza; Antakiah or Antaqiah; Transoxiana or Ma Wara' al-Nahr, and others more. The various spellings for a noun is not merely cause confusion and disorder to users of Malay language, but they may not know which of these are Kata Nama Khas Tempat (KNKT) standard. Therefore, this study discusses on KNKT BA Islamic history, as well as the matching and translation strategy. In addition, this study also explores the use of KNKT among Malay language users. The objective of this study is to identify the KNKT BA (Arabic) in Islamic history. It is also to analyze and evaluate the equivalence of translation in BM Rumi. Thus, formulating the strategy of KNKT translation. This thesis is a study in form of qualitative research through document analysis method. The research data of 250 KNKT BA is identified from the book of *Rihlat Ibn Battuta* (RIB). Then, the equivalence translation in BM Rumi is taken from the book entitled *Pengembaraan Ibn Battuta* (PIB) by Syed Abdullah Syed Nurulakla and Adi Setia Mohd. Dom. Besides that, other data is taken from the *Corpus Dewan Bahasa dan Pustaka* (DBP) website to identify the uses of KNKT BM Rumi among the Malay language users. Data from the book of *Mu'jam al-Buldan* is used to assess the accuracy of pronunciation (sound) of Arab origins. The data will then be discussed and analyzed by two elected electrical theory, namely translation guide proper names by James Dickins, Sandor Hervey, and Ian Higgins and the principles of language by Za'ba to produce research thoroughly. The findings of this study indicate that the use of BM KNKT Rumi is still low and the recorded use or words spelling is multifaceted. Translator RIB also tends to use the strategy of cultural borrowing level with matching Rumi is borrowed mimic spelling pronunciation (sound) from Arabic origin. Regarding the matching letters and how to spell KNKT BA Rumi, they applied the use of transliteration *ad hoc approach* which the spelling technique without using exotic symbols or emblems of diacritics.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.. Saya *rafa*'kan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan InayahNya saya dapat menyiapkan tesis yang bertajuk “Penterjemahan Kata Nama Khas Tempat dalam Buku *Pengembaraan Ibn Battutah*”

Pertamanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Allahyarham Prof. Madya Dr. Muhammad Fauzi bin Jumingan selaku pengerusi ahli jawatankuasa penyeliaan atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran sepanjang saya menjalankan kajian ini. Dukacitanya beliau telah kembali ke pangkuan Allah pada 27 November 2015. Semoga Allah sentiasa merahmati beliau. Amin.

Juga ucapan terima kasih buat Dr. Nik Farhan binti Mustapha dan Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang turut menyumbang banyak nasihat, bimbingan, perkongsian ilmu dan teguran.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada para pensyarah lain di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang turut membantu khususnya Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah selaku tenaga pengajar kursus BBM6402 Penelitian Kualitatif dalam Penyelidikan Bahasa, yang banyak saya mengutip ilmu penyelidikan secara langsung daripada beliau.

Ucapan *syukran jazilan* juga ditujukan buat Dr. Syed Nurul Akla Syed Abdullah yang sudi menerima saya bertandang ke rumah beliau seterusnya berkongsi imput dan maklumat berharga berkaitan Ibn Battutah serta terjemahannya. Juga secara khusus kepada Ustazah Dina Zihanee binti Mohd. Mohdzir, Cikgu Wan Norma bin Wan Muda @ Wan Yusof dan Cikgu Raja Kamarhisham bin Raja Kamarudin.

Penghargaan dan ucapan terima kasih jua buat bahagian Tajaan, Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), yang telah menawarkan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa 2012-2015 di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada pengkaji.

Ucapan penghargaan setinggi-tingginya buat dua insan tercinta ayahanda Haji Sidek bin Haji Ismail dan arwah bonda Hajah Ruminah binti Haji Yahya atas segala pengorbanan dan doa restu, walaupun bonda telah pergi bertemu Allah S.W.T. pada 18 Mac 2015, hanya beberapa bulan sebelum sempat anakanda menyempurnakan pengajian doktor falsafah anakanda ini. Anakanda sentiasa berdoa agar bonda sentiasa damai di sisi Allah S.W.T.. Amin Ya Rabbal Alamin. Terima kasih, bonda.

Juga buat isteri tersayang adinda Suhaila binti Habin dan putera-puteriku Ahmad Iyyash, Ummu Hani', Ahmad Aqqal, Ahmad Qassam dan Ummu Unays atas doa dan sokongan kerana kalian tidak jemu berdoa serta acap kali bangun mendirikan solat hajat memohon pada Allah agar perjalanan PhD ini segera berakhir dengan jayanya.

Akhirnya, sekalung terima kasih buat semua yang telah menghulur apa jua bantuan. Semoga segala niat, usaha, bantuan, kesungguhan dan mujahadah kita semua mendapat ganjaran yang sewajarnya di sisi Allah S.W.T. Amin Ya Rabba al-Alamin.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Muhammad Fauzi bin Jumingan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd Zulkifli bin Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul. Prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini. Dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* dan *Universiti Putra Malaysia (Research) Rules 2012*. Tesis ini diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Sahrulazmi Sidek - GS33665

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakui bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Muhammad Fauzi
bin Jumingan, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Muhd Zulkifli
bin Ismail, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Nik Farhan binti
Mustapha, PhD

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI GAMBAR RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvi
BAB	
1	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.5.1 Ejaan KNKT	7
1.5.2 Strategi Terjemahan KNKT	8
1.5.3 Penyelidikan Penterjemahan	9
1.6 Batasan Kajian	9
1.6.1 Korpus Data	9
1.6.2 Korpus DBP	9
1.6.3 KNKT Ejaan BM Rumi	10
1.6.4 <i>Rihlat Ibnu Battutah (RIB)</i> dan Terjemahannya	10
1.7 Definisi Operasional	11
1.7.1 Penterjemahan	11
1.7.2 Kata Nama Khas Tempat (KNKT)	12
1.7.3 Strategi	12
1.7.4 Kata atau Ejaan Popular	13
1.7.5 Korpus	13
1.7.6 Versi Arab dan Versi Latin	14
1.8 Rasional Pemilihan Data	14
1.8.1 Kitab <i>Rihlat Ibn Battutah (RIB)</i>	14
1.8.2 Buku <i>Pengembaraan Ibn Battutah (PIB)</i> oleh Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Dom	16
1.8.3 Korpus DBP oleh Dewan Bahasa dan Pustaka	16
1.8.4 Kitab <i>Mu'jam al-Buldan</i> oleh Yaqut al-Hamawi	17
1.9 Kesimpulan	17

2	KAJIAN LITERATUR	18
2.1	Pendahuluan	18
2.2	Sorotan Kajian	18
2.2.1	Penterjemahan Arab-Melayu	18
2.2.2	Unsur Budaya dalam Terjemahan	20
2.2.3	KNKT dalam Terjemahan	26
2.2.4.	Sistem Bahasa Arab dan Bahasa Melayu	29
2.2.5	Penggunaan Data Korpus Berkomputer dalam Terjemahan	33
2.3	Analisis Kritis	35
2.3.1	Bahan Kajian atau Data Korpus Kajian.	35
2.3.2	Permasalahan Kajian atau Topik Kajian.	35
2.3.3	Strategi Terjemahan	36
2.3.4	Kecelaruhan Ejaan	37
2.3.5	Kajian korpus Data	37
2.4	Kesimpulan	38
3	METODOLOGI KAJIAN	39
3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka Bentuk	39
3.3	Kerangka Konseptual	40
3.3.1	Prosedur Terjemahan James Dickin dan Rakan-rakan	40
3.3.2	Prinsip-prinsip Bahasa Za'ba	49
3.4	Korpus Kajian	55
3.5	Tatacara Pengumpulan Data	55
3.6	Penganalisan Data	62
3.6.1	Objektif 1: Meneliti rekod penggunaan KNKT BM Rumi berdasarkan data Korpus DBP	62
3.6.2	Objektif 2: Menganalisis terjemahan KNKT Dalam PIB secara pendekatan deskriptif.	63
3.6.3	Objektif 3: Menilai ketepatan terjemahan KNKT sejarah Islam BA-BM Rumi.	64
3.6.4	Objektif 4: Merumus strategi penterjemahan KNKT BA-BM Rumi	66
3.7	Kerangka Kajian	67
3.8	Kesimpulan	69
4	ANALISIS DATA	70
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Rekod Penggunaan KNKT BM Rumi dalam Korpus DBP	70
4.3	Analisis Penterjemahan KNKT dalam PIB	91
4.3.1	Sampel KNKT Wilayah Afrika Utara	91

4.3.2	Sampel KNKT Wilayah Mesir	95
4.3.3	Sampel KNKT Wilayah Syam	100
4.3.4	Sampel KNKT Wilayah Hijaz	105
4.3.5	Sampel KNKT Wilayah Iraq dan Parsi	110
4.3.6	Sampel KNKT Wilayah Asia Tengah.	115
4.3.7	Sampel KNKT Wilayah Andalus	120
4.4	Menilai Ketepatan Padanan Terjemahan KNKT dalam PIB	134
4.5	Merumus Strategi Penterjemahan KNKT BA-BM Rumi	147
4.6	Kesimpulan	151
5	RUMUSAN DAN PENUTUP	153
5.1	Pendahuluan	153
5.2	Rumusan	153
5.3	Dapatan Kajian	154
5.3.1	Rekod Penggunaan KNKT dalam Korpus DBP	154
5.3.2	Penterjemahan KNKT oleh Penterjemah RIB	155
5.3.3	Ketepatan Terjemahan KNKT Sejarah Islam BA-BM Rumi	157
5.3.4	Strategi Terjemahan KNKT BA-BM Rumi	157
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	164
5.4.1	Bidang Terjemahan	164
5.4.2	Kajian Lanjutan	165
5.5	Penutup	166
	BIBLIOGRAFI	167
	LAMPIRAN	175
	BIODATA PELAJAR	191
	SENARAI PENERBITAN	193

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Kelebihan dan Kekurangan Ideologi <i>Domestication</i> dalam Penterjemahan	25
2.2	Kelebihan dan Kekurangan Ideologi <i>Foreignization</i> dalam Penterjemahan	25
2.3	Padanan antara Huruf Jawi dengan Rumi	32
3.1	Pendekatan Terjemahan Kata Nama Khas	45
3.2	Padanan (<i>equivalence</i>) antara Bahasa Asal (BA)-Bahasa Sasaran (BI) dan Teknik Terjemahannya	46
3.3	Contoh Penilaian Ketepatan KNKT (RIB-PIB- <i>Mu'jam al-Buldan</i>)	64
4.1	KNKT (BA-BM Rumi Terjemahan-BM Rumi Korpus DBP)	70
4.2	Rekod Penggunaan KNKT Ejaan BM Rumi Berdasarkan Data Korpus DBP	81
4.3	Analisis Versi Penggunaan KNKT Ejaan BM Rumi Berdasarkan Data Korpus DBP	82
4.4	KNKT yang Mempunyai Lebih Satu Versi Ejaan Berdasarkan Rekod Korpus DBP	84
4.5	Pecahan Peratusan Rekod Penggunaan KNKT dalam Korpus DBP	86
4.6	KNKT Berdasarkan Rekod Penggunaannya	89
4.7	Padanan Terjemahan KNKT BA-BM Rumi wilayah Afrika Selatan	94
4.8	Padanan Terjemahan KNKT BA-BM Rumi Wilayah Mesir	98
4.9	Padanan Terjemahan KNKT BA-BM Rumi Wilayah Syam	102
4.10	Padanan Terjemahan KNKT BA-BM Rumi Wilayah Hijaz	107
4.11	Padanan Terjemahan KNKT BA-BM Rumi Wilayah Iraq	

	dan Parsi	113
4.12	Padanan Terjemahan KNKT BA-BM Rumi Wilayah Asia Tengah	119
4.13	Padanan Terjemahan KNKT BA-BM Rumi Wilayah Andalus	123
4.14	Strategi Penterjemahan Aspek Budaya dan Definisinya	125
4.15	Analisis Padanan Terjemahan KNKT RIB oleh Penterjemah Berdasarkan Versi Ejaan	127
4.16	Ketepatan Terjemahan KNKT (PIB- <i>Mu'jam al-Buldan</i>)	134
4.17	Analisis Ketepatan Padanan Terjemahan KNKT RIB dengan <i>Mu'jam al-Buldan</i> (MB) oleh Yaqut al-Hamawi	143
4.18	Aspek-aspek Ketidaktepatan Padanan Terjemahan KNKT RIB dengan <i>Mu'jam al-Buldan</i> (MB) oleh Yaqut al-Hamawi	146

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Tahap-tahap Pertukaran Budaya dan Biasanya	42
3.2	Kerangka Prosedur Terjemahan James Dickins dan rakan-rakan	48
3.3	Undang-undang Ejaan Perkataan Melayu Huruf Jawi oleh Za'ba	52
3.4	Kerangka Konseptual	54
3.5	Tatacara Penggunaan Korpus DBP selepas Membuat Pendaftaran Penyelidik	60
3.6	Kerangka Kajian	67
3.7	Carta Alir Analisis Data	68
4.1	Strategi Penterjemahan KNKT BA-BM Rumi oleh Penterjemah RIB	150
5.1	Hubungan Strategi Terjemahan dengan Kecelaruan Ejaan	158
5.2	Strategi Penterjemahan KNKT BA-BM Rumi	161
5.3	Strategi Penggunaan Ejaan Popular dalam Terjemahan KNKT BA-BM Rumi`	163

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

BA	-	Bahasa Arab
BM	-	Bahasa Melayu
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
DLM	-	Dalam
Ed.	-	Edisi
H.	-	hijrah
ITBN	-	Institut Terjemahan dan Buku Negara
KDBP	-	Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka
KNKT	-	Kata Nama Khas Tempatan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
MB	-	<i>Mu'jam al-Buldan</i>
RIB	-	<i>Rihlat Ibnu Battutah</i> (buku asal)
PIB	-	<i>Pengembaraan Ibn Battutah</i> (buku terjemahan)
pynt.	-	Penyunting
S.A.W.	-	Sallallahu alayhi wa sallam
S.W.T	-	Subhanallah wa Taala
Terj.	-	Terjemahan
t.h.	-	tanpa halaman muka surat
t.th.	-	tanpa tarikh

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
1	Padanan Kata Nama Khas Tempat (KNKT) BI-BA Rumi	175
2	Jadual KNKT (RIB-PIB-Korpus DBP <i>-Mu'jam al-Buldan</i>)	177



PANDUAN TRANSLITERASI

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi
ـ	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ي	y
ة	ah*

**Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan*

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	a	أَي	ay
ي	i	ي	i	أَوْ	aw
و	u	و	u		

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bidang sejarah suatu bidang ilmu yang amat penting bagi setiap kaum, bangsa dan negara. Tanpa pengetahuan mengenai sejarah sendiri, sesuatu kaum atau bangsa itu akan kehilangan identiti dan warisan (Ismail Bakar, 2009: 8). Menurut Hasan Shurrah (1993: 5), sejarah sebagai senjata adalah lebih tajam daripada peluru berpandu kerana sejarah dapat melenyapkan sebuah bangsa. Adapun senjata peluru berpandu tidak mampu berbuat demikian.

Sejarah sememangnya amat penting buat manusia sebagai pengajaran, pedoman hidup dan iktibar kepada mereka. Oleh sebab itu, terdapat banyak cerita sejarah yang dipaparkan dalam al-Qur'an walaupun al-Qur'an itu sendiri bukan buku sejarah sehingga Ismail Bakar (2009: 82) menyebut, 1/6 daripada al-Qur'an adalah terdiri daripada cerita sejarah.

Firman Allah S.W.T. dalam surah Yusuf: ayat 111

لَقَدْ كَانَتْ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصَدِّقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

Ertinya:

Demi Sesungguhnya, kisah nabi-nabi itu mengandungi pengajaran bagi mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung di dalam al-Qur'an) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi pertunjuk hidayah dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman. (Tafsir Pimpinan Rahman, 2000: 463).

Menurut Hamka (1984, 13: 49-50) dalam mentafsirkan ayat terakhir surah Yusuf menyebut, sama ada cerita Nabi Yusuf dengan saudara-saudaranya atau cerita rasul-rasul yang lain semua adalah menjadi tamsil dan petunjuk dalam menempuh jalan yang direcai oleh Allah dan menjadi rahmat kerana mencontohi teladan yang mulia dari orang hebat-hebat.

Jiwa manusia suka kepada cerita, suka mendengar cerita dan ia boleh memberi kesan kepada hati (al-Ashqar, 1997: 13). Cerita yang disampaikan melalui hadis atau al-Qur'an adalah cerita benar bukan mitos atau dongeng, dapat memberi kesan yang mendalam dalam mendidik jiwa dan akhlak serta dapat dijadikan pengajaran dan iktibar (al-Ashqar, 1997: 14-15).

Sejarawan awal Islam telah banyak menulis karya-karya sejarah Islam sama ada yang berbentuk *hawliyat* (kronologi masa) atau tematik. Hasil karya mereka mencatatkan peristiwa terdahulu melibatkan zaman Rasulullah S.A.W., para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* atau kerajaan Khulafa' al-Rasyidin, kerajaan Banu Umayyah, Kerajaan

Abbasiyah, Kerajaan al-Mamluk, dan Kerajaan Uthmaniyyah yang merupakan sebaik-baik dokumen sejarah buat bacaan umat terkemudian.

Jelasnya, manusia amat memerlukan sejarah sebagai pedoman, petunjuk, dan peringatan dalam kehidupan mereka. Bagi umat Islam, mereka wajib mengetahui sejarah umat-umat terdahulu sama ada cerita para nabi, sirah Rasulullah S.A.W., cerita para sahabat atau kerajaan-kerajaan Islam sebagai pedoman selain menanam rasa cinta terhadap sejarah mereka sendiri. Akan tetapi, cerita tersebut ditulis dengan bahasa Arab dan berlatarbelakangkan budaya Arab. Salah satu usaha agar orang Melayu dapat memahami cerita tersebut adalah dengan menterjemahnya daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Karya-karya sejarah yang ditulis oleh ilmuan Islam adalah dalam bahasa Arab. Salah satu cara terbaik untuk memindahkan segala cerita sejarah ini adalah melalui cara penterjemahan dari bahasa asal, bahasa Arab (BA) ke bahasa sasaran, bahasa Melayu (BM). Melalui terjemahan, segala maklumat sejarah dapat dipindahkan ke bahasa sasaran seterusnya segala tujuan penceritaan sejarah dapat dimanfaatkan.

Proses perpindahan ilmu melalui aktiviti penterjemahan adalah antara metodologi penyampaian ilmu yang utama (Ratna Roshida & Aiza Maslan, 2009: 408). Usaha penterjemahan sememangnya telah bermula sejak awal lagi pada zaman pemerintahan Islam. Antaranya yang dilakukan oleh para khalifah pada zaman Kerajaan Abbasiyah. Khalifah Harun al-Rasyid telah menubuhkan sebuah perpustakaan yang diberi nama Baitul Hikmah di Baghdad yang kemudian mencapai kemuncak kegemilangannya pada zaman Khalifah al-Ma'mun. Antara fungsi utama Baitul Hikmah ialah aktiviti menjalankan penterjemahan ilmu-ilmu dari tamadun Parsi, Yunani, dan India ke bahasa Arab. Sehingga dikatakan, Khalifah al-Ma'mun berjaya mengalahkan Rom dan antara syarat perdamaian yang dimeterai antara dua pihak ialah Raja Rom mestilah membenarkan buku-buku berbahasa Rom yang ada dalam simpanan mereka diterjemah oleh ilmuan Islam yang dihantar oleh al-Ma'mun. Begitulah besarnya pandangan seorang khalifah yang melihat bahawa memindahkan kitab-kitab ilmu ke bangsa dan kerajaannya lebih berharga dari sebuah kemenangan (al-Siba'i, 1987: 157-158).

Catatan sejarah telah membuktikan bahawa bangsa Eropah telah mengambil ilmu-ilmu Islam sehingga mereka kemudian menjadi sebuah tamadun yang maju. Andalus, Pulau Sicily dan Pulau Cyprus menjadi antara pusat pemindahan ilmu-ilmu Islam ke Eropah. Ilmu wahyu dan ilmu '*aqliah*' atau akal berkembang subur di Andalus. Namun, perkembangan ilmu '*aqliah*' seperti geografi, falsafah, astronomi, matematik, perubatan dan sejarah, agak lebih ketara jika dibandingkan dengan bidang ilmu wahyu (Siti Hartini et. al, 2007: 194-201). Tidak dapat dinafikan antara cara pemindahan ilmu-ilmu Islam ke Eropah adalah melalui penterjemahan karya-karya Islam ke bahasa Latin. Bahkan kegiatan terjemahan menjadi faktor utama kepada perkembangan tamadun di Andalus. Malah, ia menjadi alasan kuat kepada pengaliran tamadun Islam ke Eropah (Khairunnisa' & Farid, 2007: 67).

Sekolah penterjemahan di Andalus dinaungi oleh dua pihak, iaitu golongan gereja ataupun pemerintah (Khairunnisa' & Farid, 2007: 68). Tokoh-tokoh agama Kristian sanggup memberi naungan kepada para ilmuan untuk menjalankan aktiviti penterjemahan dan memberi segala kemudahan. Penterjemah yang melakukan kegiatan

terjemahan ialah ilmuan Barat yang terdiri daripada ilmuan bangsa Yahudi dan juga paderi Kristian. Di samping itu, mereka turut mendapatkan bantuan ilmuan Arab yang memahami bahasa Latin (Zulkarnain Mohamed, 2007: 286).

Barat menterjemahkan karya-karya Islam sebagai jalan memindahkan ilmu-ilmu Islam ke Eropah termasuk karya sejarah. Barat menterjemah sejarah Islam walhal ia bukan sejarah mereka. Justeru seandainya Eropah bertungkus lumus menterjemah bukan sejarah mereka, maka umat Islam di Malaysia lebih utama menterjemah sejarah Islam mereka sendiri.

Buat umat Islam di Malaysia, karya-karya sejarah Islam merupakan bahan-bahan penting untuk bacaan bagi mengetahui sejarah umat Islam. Akan tetapi, karya-karya sejarah Islam ini ditulis oleh sejarawan Islam dengan menggunakan bahasa Arab. Oleh sebab itu, usaha penterjemahan karya-karya sejarah penting ini perlu menjadi agenda besar buat umat Islam di negara ini.

Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2010: 17), sains tidak akan berkembang dalam kalangan orang Melayu selagi tidak menjadi sebahagian budaya Melayu. Bagi menjadikan sains sebahagian budaya Melayu, maka orang Melayu perlu menjadikan bahasa Melayu yang difahami oleh segenap lapisan masyarakat Melayu sebagai bahasa pengantar sains. Di sinilah terletaknya peranan penterjemahan. Jika ilmu sains tidak disebarkan dalam bahasa Melayu, bahkan dengan menggunakan bahasa Inggeris yang hanya difahami oleh segelintir Melayu, maka sains tidak akan berkembang menjadi sebahagian budaya Melayu seterusnya berkembang dalam kalangan orang Melayu.

Begitulah juga halnya dengan ilmu sejarah Islam yang ditulis dalam bahasa Arab oleh sejarawan Islam seperti Ibnu Hisyam, Ibnu Jarir al-Tabari, Ibnu Kathir, Ibnu Athir, al-Suyuti dan lain-lain. Tidak mungkin seluruh umat Melayu mampu memahami bahasa Arab seterusnya membaca terus daripada sumber asal sejarah Islam. Sebagai jalan penyelesaian, menterjemah buku-buku sejarah Islam tersebut ke bahasa Melayu ialah cara agar sejarah Islam dapat difahami oleh semua orang Melayu.

Namun, usaha menterjemah sejarah Islam ke dalam bahasa Melayu bukanlah mudah. Seorang penterjemah sudah pasti menghadapi cabaran dan rintangan dalam menghasilkan terjemahan yang baik dan bermutu. Bukan semua yang terdapat dalam bahasa Arab dapat diterjemah kepada bahasa lain. Dari aspek makna, penterjemah menghadapi masalah makna yang paling tepat. Tambahan pula jika ia melibatkan makna yang implisit (Muhammad Arsyad, 2009: 8).

Dalam proses melakukan penterjemahan karya atau teks sejarah bahasa Arab-bahasa Melayu Rumi, pun wujud kerumitan dan cabarannya. Antara masalah teks sejarah melibatkan kata nama khas (KNK) seperti nama tempat, nama orang, dan nama peristiwa. Menurut Norhaslina Husin (2011: 331), terjemahan KNK tidak kiralah apa jenis teks sekalipun menjadi satu masalah dalam penterjemahan yang dihadapi oleh penterjemah teks.

Seorang penterjemah sejarah perlu menulis kata nama khas tempat (KNKT) atau nama orang, yang mungkin asing dalam budaya orang Melayu. Dalam hal ini, apakah pendekatan yang wajar diambil oleh seorang penterjemah apabila mendepani KNKT sejarah Islam untuk dipindahkan ke dalam bahasa Melayu?

1.3 Permasalahan Kajian

Pembaca bahasa Melayu sering menemui kekeliruan untuk menentukan ejaan dan sebutan yang betul sesuatu perkataan oleh sebab terdapatnya dua atau beberapa bentuk ejaan yang berlainan bagi satu perkataan yang sama. Antara kekeliruan ejaan itu termasuklah bentuk ejaan kata-kata tunggal seperti *atlit* atau *atlet*, *agung* atau *agong*, *istirehat* atau *istirihat*, *ihsan* atau *ehsan*, dan *bestari* atau *bestari*. Kekeliruan juga boleh melibatkan kata terbitan seperti *pengswastaaan* atau *penswastaaan*, *pewujudan* atau *pengujudan*, *mengembumikan* atau *mengkebumikan* (Muhammed Salehudin, 2012: 12).

Menurut Zaidi Ismail (2008: 2-3), ada dua ejaan untuk satu perkataan yang sama ditemui di papan tanda di Kuala Kangsar, Perak iaitu “Bandar Di Raja” dan “Muzium Diraja”. Ketidakselarasan bentuk ejaan untuk nama yang sama tidak sepatutnya berlaku kerana ia tentu sekali akan mengelirukan pengguna bahasa.

Pembaca teks sejarah Islam juga menemui dua atau lebih versi ejaan perkataan untuk nama tempat yang sama seperti Mekah atau Makkah; Damsyik, Damsyiq, Dimasyq atau Damascus; Ghazzah atau Gaza; al-Qahirah, al-Kahirah atau Kaherah; Badar atau Badr; Hira, Hirak atau Hira’; Asfahan atau Isfahan; Nisabur atau Naisabur; Samarkand atau Samarqand; al-Jaza’ir atau Jazair; Ja’ranah atau Ji’ranah; Dumyat atau Dimyat; Ma Wara’ al-Nahr atau Transoxiana. Sebahagiannya memiliki ejaan-ejaan yang hampir sama tetapi sebahagian lain merupakan dua ejaan yang benar-benar berbeza, seolah-olah ia merupakan dua nama tempat yang berbeza.

Adakah sesuatu KNKT itu perlu diterjemah jika ia mampu diterjemah kerana memiliki makna kamus atau makna literalnya. Atau pun KNKT tidak sama sekali diterjemah bahkan hanya diubah kepada ejaan bahasa sasaran sahaja sebagai kata pinjaman atau kata nama asing? Yang manakah pilihan yang tepat dan wajar dilakukan oleh penterjemah sama ada memilih terus menulis *Jabal Uhud*, *Ghar Thur*, *Jabal Tariq*, *Bahr al-Ahmar*, *Asia Sughro*, *Bilad Ma Wara’ al-Nahar* atau menterjemah kepada *Bukit Uhud*, *Gua Thur*, *Bukit Tariq*, *Laut Merah*, *Asia Kecil*, dan *negara-negara di belakang sungai*. Menurut Juan C. Sager (1995: 76), nama khas merupakan entiti yang asing dan berbeza daripada nama am. Nama khas mempunyai rujukan tertentu tetapi tiada makna.

Bagaimana pula untuk KNKT yang ditulis sebagai kata nama asing atau kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Apakah cara ejaannya yang standard? Adakah perlu menggunakan sistem ‘transliterasi’ agar pembaca mudah untuk merujuk perkataan asalnya dalam bahasa Arab. Menurut James Dickins dan rakan-rakannya (2002:36), sistem transliterasi biasanya digunakan dalam bidang akademik dan menggunakan simbol-simbol khas ini adalah eksotik.

Atau adakah dengan terus mengejanya dari bahasa Arab ke bahasa Melayu Rumi dengan menyesuaikan dengan sistem ejaan bahasa Melayu Rumi yang ada? Namun, akan berlaku *translation loss* kerana terdapat perbezaan antara sistem bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Mengeja KNKT dengan ejaan Melayu Rumi akan menghilangkan semangat ‘kearaban’ kerana terdapat aksara Arab yang tidak sama dengan aksara Melayu Rumi. Dalam aspek lain, bagaimana untuk mengeja KNKT asing atau pinjaman supaya ia sesuai dengan lidah penutur Melayu jati?

Penterjemah-penterjemah awal sama ada dalam kalangan orang Arab atau bangsa-bangsa lain yang mampu bertutur dalam bahasa Arab, mereka menterjemah karya-karya asing daripada bangsa Greek (Yunan), Rom dan Parsi tanpa terikat dengan mana-mana prinsip penterjemahan. Hal ini kerana prinsip-prinsip terjemahan banyak menjadi penghalang dalam melakukan kerja-kerja terjemahan dan seterusnya membantutkan produktiviti hasil-hasil terjemahan. Para penterjemah bebas menterjemah menggunakan teknik terjemahan masing-masing tanpa terikat dengan satu-satu kaedah dalam menta'rib kata-kata nama asing (Hassan, 1986: 229).

Kesan daripada gaya bebas ini dan tiada keterikatan kepada mana-mana teknik yang dipersetujui bersama dalam kalangan penterjemah, maka hasilnya terdapat satu kata nama, sama ada nama orang atau nama tempat yang *dita'rib* dan dipindahkan ke bahasa Arab dengan pelbagai versi dan ragam (Hassan, 1986: 231). Sebagai contoh nama permaisuri Mesir, iaitu Cleopatra yang memiliki banyak versi ejaan dalam bahasa Arab seperti كلابطرة, كلابطرا, كلوبطرة, كلبطرة, قلاوفطرا, قلابطرة dan كليبوتر. Kesan yang timbul daripada pelbagai versi tulisan ini mengakibatkan pembaca bahasa Arab menjadi bingung dan serabut (Hassan, 1986: 232).

Bahkan tidak ada bahasa lain sama ada bahasa Perancis, Jerman atau Itali yang memiliki ejaan-ejaan yang berbagai-bagai untuk ejaan atau sebutan bagi satu KNK selain bahasa Arab ini sahaja. Terdapat ratusan kata nama dalam sumber-sumber rujukan Arab, sama ada sumber primer atau sekunder yang memiliki berbagai-bagai bentuk ejaan, sehingga wujud perbezaan yang sangat jauh lantas pembaca menyangka ia ialah dua kata nama yang sangat berbeza (Hassan, 1986: 235).

Menurut Amat Juhari (1989: 124), antara masalah yang dihadapi oleh orang awam ialah cara mengeja kata-kata yang masih belum dipersetujui sebutan atau ejaannya. Misalnya bagi mengeja kata-kata *Qahirah* atau *Kairo* atau *Cairo*; juga *Lubnan* atau *Lebanon*.

Keadaan menta'rib KNK secara bebas yang menimbulkan situasi kelam kabut tanpa sebarang kaedah atau prinsip yang tetap berterusan sehingga awal kurun ke-20 Masihi (Hassan, 1986: 237), sehinggalah muncul beberapa orang Arab yang menyedari akan perlunya meletakkan kaedah-kaedah penterjemahan yang tetap untuk dilazimi oleh para penterjemah supaya kata-kata nama asing ini akan menjadi satu ejaan yang seragam bagi semua penulis dan penterjemah. Pada waktu yang sama, mengekalkan bentuk tulisan yang telah sedia dibuat oleh orang terdahulu sekalipun berbeza dengan kaedah-kaedah yang baharu disusun (Hassan, 1986: 237).

Isu ejaan dan kecelaruannya merupakan topik yang menarik perhatian pakar bahasa. Pakar-pakar dalam bahasa Melayu seperti Za'ba, Asmah Haji Omar, Nik Safiah Karim, Awang Sariyan dan ramai lagi banyak membahaskan perihal ejaan, kesalahan dan kecelaruannya. Hal ini bermakna, permasalahan ejaan merupakan agenda penting dalam isu bahasa yang menarik perhatian ramai pakar bahasa dan pengkaji bahasa.

Bahasa Melayu telah mengalami perkembangan atau pemodenan seperti bahasa-bahasa yang lain. Dalam menuju pemodenan bahasa antara usahanya adalah melalui pembakuan atau standardisasi bahasa. Ungkapan bahasa baku sama maksud dengan bahasa standard. Untuk menjadi bahasa moden, bahasa perlu dibakukan. Bahasa yang

boleh menjadi sarana komunikasi umum yang berkesan, yang boleh digunakan oleh seluruh masyarakat, bukan pada sekelompok manusia (Awang Sariyan, 1988c: 11-13).

Dua bidang yang diberi perhatian utama dalam usaha pembakuan bahasa Malaysia ialah ejaan dan peristilahan (Awang Sariyan, 1988a: 4). Dalam usaha pembinaan atau perancangan bahasa, memperkemas ejaan akan menjadi tumpuan selain penciptaan istilah, perkamusan, dan tatabahasa. Hal ini kerana, menurut Nik Safiah Karim (1988: xiv), dalam kata pengantar bertajuk *Bahasa Malaysia dan Perkembangannya*, penggunaan bahasa yang ternyata salah kerana melanggar peraturan-peraturan yang sedia ada seperti peraturan ejaan dan peraturan-peraturan tatabahasa bermaksud pencemaran bahasa.

Menurut Awang Sariyan (1988f: 82), antara usaha mengangkat bahasa Malaysia sebagai bahasa Moden adalah menggunakannya sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran. Namun usaha yang lebih penting ialah cuba menggunakannya dengan sebaik-baiknya, dengan pengertian bahawa bahasa yang digunakan tidak kacau, baik dari segi ejaan, istilah mahupun tatabahasa. Beliau (1988b:82) turut bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa tulisan kebanyakan sarjana penuh dengan kekacauan bahasa.

Menurut Awang Sariyan (1988e: 50-51), tidaklah wajar mengatakan pengambilan kata asing akan mencemarkan bahasa kebangsaan kita, namun tidak beerti ia boleh dibuat sewenang-wenangnya. Pengambilan kata asing ini perlu dilakukan berdasarkan sistem bahasa Melayu.

Aminudin Mansor (2012: 12) menegaskan sekiranya dari segi ejaan dan istilah bahasa Melayu pun masih bercelaru, bagaimana bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan di negara ini? Menurut Awang Sariyan pula (1988a: 5), sebagai bahasa ilmu, tidak wajar bahasa Malaysia digunakan dengan kekacauan, seolah-olah tiada sistem sebagai pedoman dalam bahasa Malaysia untuk dirujuk oleh pengguna bahasanya.

Masalah kecelaruan atau perbezaan ejaan ini perlu diselesaikan. Para cendekiawan perlu berani mencari keseragaman agar gejala ini tidak berlanjutan. Zaiton Mustapha (2000: 43) menyebut sistem ejaan yang tidak seragam harus disatukan.

Jelaslah, isu berkaitan dengan ejaan dan sebutan adalah isu utama dan besar sehingga sering menarik perhatian pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam bahasa. Malah, masalah ejaan dan kecelaruannya bukan semata-mata sudah dibahaskan oleh Za'ba sejak zaman sebelum merdeka, malah berlarutan sehingga zaman sekarang. Justeru, kajian tesis ini yang cuba membincangkan isu kecelaruan ejaan KNKT adalah satu usaha agar kecelaruan ejaan KNKT dapat diselesaikan segera dan tidak terus berpanjangan.

Justeru, bertitik tolak daripada apa yang dinyatakan di atas, maka satu kajian menyangkuti KNKT sejarah Islam daripada bahasa Arab perlu dibuat. Apatah lagi KNKT atau bidang yang lebih popular dengan istilah *mu'jam al-buldan* yang menyenaraikan nama-nama tempat ialah bidang ilmu khusus yang telah lama wujud di negara Arab tetapi belum wujud di Malaysia. Hal ini sebagai menyahut cadangan Amat Juhari (1989: 128) yang mencadangkan bagi bidang-bidang khusus perlu diadakan pedoman ejaan yang khusus.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan tujuan yang ingin dicapai melalui kajian berdasarkan masalah yang telah dikenal pasti. Kajian tesis ini telah meletakkan beberapa objektif untuk dicapai, iaitu:

1. Meneliti rekod penggunaan KNKT Sejarah Islam BM Rumi berdasarkan Data Korpus DBP.
2. Menganalisis terjemahan KNKT tersebut secara pendekatan deskriptif.
3. Menilai ketepatan terjemahan KNKT sejarah Islam BA-BM Rumi.
4. Merumus strategi penterjemahan KNKT BA-BM Rumi.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian tesis yang dijalankan ini penting kepada bidang terjemahan, bidang sejarah Islam, dan bahasa Melayu.

1.5.1 Ejaan KNKT

Kajian ini berkaitan terjemahan KNKT oleh penterjemah RIB, rekod penggunaan KNKT dalam Korpus DBP dan strategi menterjemah KNKT BA-BM Rumi. Hasil daripada kajian ini ialah usaha ke arah menghasilkan satu senarai ejaan KNKT sejarah Islam. Satu senarai ejaan KNKT sejarah Islam yang standard dapat membantu penterjemah dalam kerja-kerja penterjemahan mereka. Kajian ini cukup penting untuk menghasilkan satu senarai daftar ejaan bagi kata nama 'tempat' sejarah Islam dalam ejaan atau tulisan Arab dan padanannya yang sah dan standard dalam bahasa Melayu Rumi.

Satu senarai daftar KNKT yang standard dan seragam ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khasnya penterjemah, penulis sejarah, dan peminat karya sejarah serta seterusnya dapat mengelakkan kekeliruan dan kecelaruan yang timbul sebelum ini. Keseragaman ini diharap turut dapat memartabatkan dunia penulisan sejarah Islam dan juga menginspirasi para penulis atau para pembaca yang sebelum ini terbeban dengan kecelaruan KNKT untuk mereka menguasai maklumat sejarah Islam. Usaha mengumpul dan menerbitkan daftar ejaan KNKT yang sah, tepat, dan seragam adalah mustahak kerana tanpanya, kecelaruan penggunaan KNKT akan berterusan tanpa noktah.

Hakikatnya daftar ejaan KNKT atau yang disebut dengan *mu'jam al-buldan* (kamus negeri-negeri) yang merakamkan entri-entri (kata masukan) kata nama tempat adalah satu cabang ilmu yang telah lama wujud dalam dunia penulisan umat Islam. Namun demikian, ilmu ini asing dalam dunia penulisan di negara kita. Dengan ada kajian ini, ia merupakan usaha menambah lagi satu bidang baharu yang belum popular di negara ini, iaitu bidang *mu'jam al-buldan*.

Sebenarnya, ada dua perkara yang berbeza antara 'pedoman ejaan' dan 'daftar ejaan'. Pedoman ejaan merujuk kepada peraturan-peraturan mengeja KNKT dari bahasa Arab ke bahasa Melayu tulisan Rumi. Adapun 'daftar ejaan' menyenaraikan KNKT sejarah Islam dalam tulisan Rumi yang betul dan yang lengkap untuk dijadikan rujukan pantas

secara rasmi oleh pengguna bahasa Melayu. Menurut Ismail Dahaman (1989: 140&143), pengguna bahasa atau orang ramai sebenarnya memerlukan ‘daftar ejaan’ bukan ‘pedoman ejaan’.

Penulis karya sejarah sudah semestinya akan berhadapan KNKT. Teks sejarawi berkait rapat dengan kata nama tempat, nama orang, dan masa, selain, nama-nama peristiwa dan nama pangkat. Sehingga hari ini, belum terhasil satu senarai daftar kata nama tempat berkaitan tempat-tempat sejarah yang dihasilkan dalam bahasa Melayu sehingga wujud satu-satu kata nama tempat memiliki versi yang berbagai-bagai dan berbeza-beza. Kesannya, seorang penulis akan menggunakan kata nama tempat yang berlainan dengan penulis lain walhal ia merujuk tempat yang sama. Sebagai contoh, seorang penulis menggunakan nama Anatolia, manakala penulis kedua menggunakan kata nama Asia Kecil atau Asia *Sughro* sedangkan ketiga-tiga kata nama ini merujuk makna yang sama.

Penulisan kamus geografi berbahasa Arab oleh ilmuan Islam telah lama wujud. Antaranya *Mu'jam al-Buldan* yang dikarang oleh Yaqt al-Hamawi, *al-Masalik wa al-Mamalik* oleh Ibn Khardazabah, *al-Masalik wa al-Mamalik* oleh Istukhri, *al-Buldan* oleh al-Ya'kubi, *Ahsan al-Taqasim* oleh al-Maqdisi dan *Surat al-Ardhi* oleh Ibn Hawqal. Kamus-kamus geografi ini menghimpun nama-nama tempat yang disusun mengikut abjad atau mengikut lokasi dan kemudian dihurai berkaitan maklumat bentuk muka bumi, iklim, cuaca, penduduk, sejarah, dan maklumat-maklumat lain.

Adapun kamus geografi KNKT berbahasa Melayu sehingga hari ini belum berjaya ditulis oleh orang Melayu. Kajian ini yang akan menyenaraikan KNKT teks sejarah dan padanannya dalam bahasa Melayu boleh dijadikan rujukan menghasilkan sebuah kamus geografi versi bahasa Melayu Rumi atau langkah awal untuk menghasilkan kamus geografi yang lebih komprehensif pada masa akan datang.

1.5.2 Strategi Terjemahan KNKT

Antara permasalahan yang dialami oleh bahasa Melayu ialah ejaan seperti kecelaruan ejaan yang boleh menggugat martabatnya sebagai bahasa kebangsaan. Satu strategi dalam menterjemah KNKT dan senarai ejaan KNKT sejarah Islam yang standard ini membantu bahasa Melayu mengatasi fenomena kecelaruan ejaan ini.

Untuk bidang terjemahan, kajian ini cuba merumuskan satu strategi menterjemah KNKT daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu Rumi. Bahasa Melayu telah terbukti banyak mengambil perkataan Arab untuk dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu. Justeru, dengan adanya strategi yang standard dan seragam mampu memudahkan mana-mana penterjemah yang mahu mengambil nama-nama tempat dari bahasa Arab ini. Masih banyak karya sejarah Islam sama ada yang primer atau sekunder belum diterjemah ke dalam bahasa Melayu di Malaysia.

Banyak bidang khusus yang telah menghasilkan strategi dan pedoman terjemahan masing-masing seperti undang-undang apabila Deborah Cao menulis buku bertajuk *Translating Law* yang kemudian diterjemah ke bahasa Melayu oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM). Hal ini disebabkan setiap bidang memiliki kepelbagaian bahasa atau laras atau istilah-istilah yang digunakan dalam bidang tertentu tersebut. Bidang ilmu sejarah seperti bidang ilmu khusus yang lain turut memiliki istilah-istilah khusus dalam teks sejarah. Menurut Hishomudin Ahmad (2011:

704), teks sejarah seperti teks agama memerlukan penyelarasan untuk menjamin kualiti dan menghasilkan satu strategi yang disepakati oleh semua penterjemah

1.5.3 Penyelidikan Penterjemahan

Kajian ini cukup penting kepada bidang penyelidikan penterjemahan kerana ia menggabungkan beberapa perkara. Pertama, ia melibatkan kajian data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk meneliti rekod penggunaan KNKT dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Kedua melibatkan pakar ilmu terjemahan, iaitu James Dickins dan rakan-rakannya yang menulis tentang prosedur penterjemahan. Ketiga melibatkan pakar bahasa Melayu iaitu Za'ba dan yang keempat ialah pengamal ilmu terjemahan iaitu penterjemah buku *Rihlat Ibnu Battutah* (RIB).

1.6 Batasan Kajian

Tesis ini memiliki batasan kajian yang tersendiri seperti berikut:

1.6.1 Korpus Data

Kajian ini mengkhusus kata nama khas teks sejarah berkaitan nama tempat. Pemilihan KNKT terbatas kepada tujuh wilayah Islam sahaja iaitu Andalus, Afrika Utara, Mesir, Syam, Hijaz, Iraq, dan Parsi serta Asia Tengah. Kajian ini memilih 250 KNKT daripada tujuh wilayah tersebut sebagai data kajian. Pengkaji tidak menyentuh terjemahan nama-nama tempat yang melewati kawasan negara India, China, Jawa, Afrika Tengah, Eropah Timur walaupun ia turut dilawati dan disebut oleh Ibnu Battutah.

Kajian ini tidak menyentuh kata nama khas yang lain dalam teks sejarah seperti nama orang, nama peristiwa, nama politik dan pentadbiran, nama makanan, nama minuman, nama pakaian atau adat istiadat.

1.6.2 Korpus DBP

KNKT tiada rujukan makna kamus. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan data korpus untuk melihatkan penggunaan KNKT oleh pengguna bahasa Melayu melalui data korpus. Data korpus yang digunakan dalam kajian ini ialah data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka atau Korpus DBP (KDBP).

Kajian ini menggunakan data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka bagi meneliti penggunaan KNKT sejarah Islam yang dipraktikkan oleh penutur natifnya dalam pelbagai konteks dan wacana penulisan. Kajian ini dilakukan berdasarkan korpus yang auntentik.

KDBP menghimpunkan kumpulan teks digital bahasa Melayu dalam pangkalan data daripada berbagai-bagai jenis terbitan seperti buku, majalah, akbar dan efemeral, daripada berbagai-bagai jenis teks sama ada lama atau tradisional, terjemahan, daripada berbagai-bagai genre seperti drama dan puisi.

Namun, data teks yang diambil merupakan data sehingga tahun 2003 sahaja, iaitu tahun terjemahan RIB diterbitkan. Jumlah kumulatif data teks (sehingga Mac 2004) berjumlah 100,645,222 kata yang tersimpan dalam subpangkalan Akhbar 52,988,703

kata (52.65%), buku 27,797.010 kata (27.62%), majalah 12,229,373 kata (12.15%), teks tradisional 2,440,258 kata (2.43%), lain-lain 3,303,772 kata (3.28%) dan terjemahan 1,886,106 kata (1.87%). Data akhbar pula menjuzuki lebih daripada 50% saiz pengkalan data, diikuti buku dan kemudian majalah (Rusli et.al, 2008: 32).

Data-data ini wajar dianggap wakil suara penutur jati bahasa Melayu. Ujaran dan tulisan pengguna bahasa yang luas, daripada orang awam kepada sasterawan wajar dijadikan data. Yang perlu dilakukan adalah mengumpul sampel teks daripada julat pengguna bahasa Melayu yang seluas mungkin dan daripada pelbagai genre, yang dapat memberikan gambaran yang relatif benar bagi populasi pengguna bahasa tersebut (Rusli et.al, 2008: 43). Bukan korpus yang terdiri daripada karya sasterawan negara tertentu atau teks daripada genre tertentu sahaja. Menurut Rusli Abdul Ghani dan rakan-rakannya (2008: 46) lagi, untuk mengetahui la langue bahasa Melayu, maka haruslah meneliti penggunaan bahasa dalam kalangan suara terbanyak, suara rakyat.

1.6.3 KNKT Ejaan BM Rumi

Bahasa Melayu mempunyai dua bentuk ejaan, iaitu BM Jawi dan BM Rumi. Kajian ini hanya membahaskan KNKT dalam teks sejarah Islam dari bahasa Arab ke bahasa Melayu Rumi. Tesis ini hanya memfokuskan bentuk ejaan Rumi sahaja, iaitu cara yang dilakukan oleh penterjemah dalam menulis KNKT sejarah Islam dari tulisan atau ejaan Arab kepada ejaan Melayu Rumi.

Tiada menjadi masalah apabila memindahkan KNKT dari teks Arab kepada bahasa Melayu Jawi kerana melibatkan sistem ejaan dan huruf yang sama tetapi timbul masalah apabila mahu menulis kepada ejaan bahasa Melayu Rumi. Ia melibatkan huruf atau padanan huruf yang berbeza antara Arab/Jawi dan Rumi.

Kata Abdullah Munsi, setiap bahasa ada sistemnya (Awang Sariyan. 1984d: 25). Pokoknya dalam membina bahasa tidaklah wajar kita melupakan sistem bahasa kita (Awang Sariyan. 1984b: 10). Sistem yang telah ada menjadi asas baik dalam soal ejaan, peristilahan mahupun tatabahasa.

Oleh yang demikian, dalam menilai dan membincangkan pendekatan penterjemah Ibn Battutah dalam terjemahannya berkaitan KNKT, ia perlu dilihat dari aspek sistem ejaan bahasa Melayu Rumi. Tidak dinafikan, sistem ejaan bahasa Melayu Rumi bagi kata-kata pinjaman Arab telah dibicarakan oleh ramai pakar bahasa Melayu. Seperti yang telah diperkatakan, antara perkara yang sering menjadi tumpuan ialah aspek ejaan.

1.6.4 *Rihlat Ibnu Battutah (RIB) dan Terjemahannya*

Buku *Rihlat Ibnu Battutah* RIB ialah karya pengembaraan yang ditulis oleh Abu Abdullah Muhammad Ibn Battutah (704-769 hijrah) yang merupakan seorang tokoh Islam yang terkenal dalam penulisan karya pengembaraan yang juga dinamakan *Tuhfat al-Nazzar fi Gharair al-Amsar*. Cetakan yang digunakan ialah karya ulang cetak kali ketiga oleh Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut Lubnan.

Adapun buku terjemahan yang digunakan ialah buku *Pengembaraan Ibn Battutah* oleh Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Dom yang diterbitkan oleh

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sejak tahun 2003. Buku terjemahan yang digunakan ialah karya ulang cetak kali ke-4.

1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional ialah sejumlah perkataan yang dipilih oleh pengkaji untuk diberikan huraian supaya tidak mengelirukan pembaca yang berkemungkinan mempunyai maksud lain seperti yang dipersepsikan oleh pengkaji. Perkataan-perkataan yang dipilih diberikan definisi yang sesuai dengan maksud pengkaji sendiri yang digunakan dalam kajiannya. Definisi-definisi tersebut bukannya berdasarkan kepada kamus atau ensiklopedia (Ahmad Sunawari, 2006: 41).

Dalam bahagian ini, beberapa perkataan yang digunakan dalam kajian ini diperjelaskan seperti berikut:

1.7.1 Penterjemahan

Terdapat beberapa istilah yang amat rapat dengan penterjemahan atau terjemahan seperti transliterasi, pemelayuan, *al-ta'rib*, dan kata pinjaman Arab.

Penterjemahan atau *translation/translating* ialah perbuatan memindahkan teks bertulis atau komunikasi lisan ke dalam bahasa lain. Dengan kata lain, penterjemahan melibatkan penggantian bahan tekstual sesuatu bahasa (bahasa sumber) dengan padanan bahan tekstual yang sesuai dalam bahasa yang lain (bahasa sasaran). Padanan sama yang lazim digunakan ialah makna, stilistik dan reaksi sebenar teks atau bahan asal (Muhammad Fauzi, 2006: 84).

Ahli bahasa Melayu seperti Za'ba dan Nik Safiah Karim menggunakan istilah 'Kata Pinjaman Arab' dalam buku mereka. Perbahasan mereka menyangkutinya penyesuaian yang perlu dilakukan untuk perkataan bahasa Arab dengan sistem bahasa Melayu supaya ia sesuai dengan lidah orang Melayu. Mereka lebih membicarakan tatacara mengambil kata pinjaman Arab.

Adapun transliterasi (*transliteration*) ialah proses atau hasil mengalihkan tanda grafik daripada satu sistem tulisan kepada sistem tulisan yang lain. Contohnya huruf tulisan Jawi dialih kepada tulisan Rumi (Kamus Linguistik, 1997: 218).

Pemelayuan pula bermaksud perihal (perbuatan dan sebagainya) memelayukan (Kamus Dewan, 2007: 1014). Pemelayuan yang dimaksudkan adalah menjadikan perkataan KNKT Arab daripada ejaan Arab kepada ejaan Melayu. Ejaan Melayu yang dimaksudkan ialah tulisan Melayu Rumi.

Zaiton Mustapha (2000) dalam tesis bertajuk *Pengaraban Kata-kata Asing dan Pemelayuan Lafaz-lafaz Arab* menyatakan pengaraban (*al-ta'rib*) ialah perpindahan atau penyerapan kata-kata asing ke dalam bahasa Arab. Manakala pemelayuan ialah perpindahan atau penyerapan lafaz-lafaz Arab ke dalam bahasa Melayu. Zaiton bertegas mahu menggunakan istilah 'pengaraban' sebagai ganti *التعريب* (*al-ta'rib*). Penulis menyatakan *al-mu'arrab* atau *al-ta'rib* lebih tepat dan sesuai menggunakan perkataan 'perpindahan' kerana masih mengekalkan perkataan asal yang dipindahkan kepada bahasa Arab dan yang dilakukan hanyalah sedikit perubahan dan dalam bahasa Inggeris *to Arabicise*. Beliau tidak setuju penggunaan perkataan 'terjemah' atau

translate bagi menerangkan makna *al-mu'arrab* kerana 'terjemah' lebih kepada memberi 'pengertian' kepada sesuatu perkataan dalam bahasa Arab.

Kajian ini akan menggunakan istilah 'penterjemahan' KNKT kerana ia lebih umum dan general. Walaupun KNKT ada yang diterjemah kepada makna kamus seperti *White House* yang diterjemah kepada *Rumah Putih* dan ada yang dijadikan kata pinjaman (*borrowing*) lalu ditransliterasi kepada bahasa sasaran, sama ada KNKT diterjemah kepada makna kamus atau dipinjam terjemah, namun ia lebih wajar disebut penterjemahan. Sama ada KNKT itu diterjemah dalam kata tunggal, dalam ayat, perenggan atau wacana maka ia juga masih dalam ruang lingkup penterjemahan.

1.7.2 Kata Nama Khas Tempat (KNKT)

Terdapat beberapa istilah yang hampir sama antara kata nama (KA), kata nama khas (KNK), kata nama khas tempat (KNKT), kata nama tempat (KNT), kata nama khas tempat BM Rumi, dan Kata nama khas BA.

Menurut Nik Safiah Karim (1992: 45&58), golongan 'kata' dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu kata nama (KN), kata kerja (KK), kata adjektif (KA) dan kata tugas (KT). Adapun kata nama terbahagi pula kepada tiga, iaitu Kata nama khas (KNK), kata nama am (KNA), dan kata ganti nama (KGA). Kata nama khas ialah kata nama yang merujuk nama sesuatu benda yang khusus dan ejaannya berpangkalan huruf besar. Kata nama khas pula terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu hidup dan tak hidup. Seterusnya, kata nama khas hidup juga terbahagi dua, iaitu manusia dan bukan manusia

Kata nama khas (KNK) terbahagi kepada banyak jenis yang antaranya nama tempat, nama orang, nama gelaran, dan lain-lain. Adapun kata nama tempat (KNT) juga sama ada yang tergolong dari KNK atau bukan KNK. Sebagai contoh, perkataan padang bola, padang permainan, sawah, surau, dan kedai merupakan nama tempat tetapi ia bukan KNK.

Kata nama khas disebut dalam bahasa Arab dengan اسم المعرفة (*isim al-ma'rifah*) dan dalam bahasa Inggeris dengan *proper nouns* atau *proper names*. Kata nama khas tempat (KNKT) yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah nama tempat yang merupakan kata nama khas (KNK) seperti Banting, Klang, Selangor, Myanmar, dan Arab Saudi.

1.7.3 Strategi

Dalam membahaskan tesis ini, terdapat beberapa perkataan yang digunakan oleh para penulis seperti pedoman, metode, teori, prosedur, teknik, kaedah, prinsip, tatacara, strategi, dan panduan.

Kaedah merujuk kepada beberapa definisi. 1) Pelbagai sikap kumpulan sarjana terhadap bahasa dan linguistik, 2) Pelbagai teknik untuk menentukan dan menilai ciri linguistik, dan 3) Pelbagai prinsip dan amalan dalam pengajaran bahasa (Kamus Linguistik, 1997: 103)

Abdul Hamid (1993: 39) dalam bukunya *Ejaan Bahasa Melayu Terkini* memilih menggunakan istilah 'pedoman' dalam subtopik *Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa*

Melayu dan istilah ‘panduan’ dalam *Panduan Ejaan*. Ismail Dahaman (1996:v-vii) juga memilih istilah ‘pedoman’ apabila membahagikan bukunya kepada tiga bahagian iaitu; *Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu*, *Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu* dan *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu*.

Kajian ini akan mengguna istilah ‘strategi’ apabila merujuk kepada cara-cara penterjemahan KNKT dari bahasa Arab ke bahasa Melayu Rumi.

1.7.4 Kata atau Ejaan Popular

Bahasa Melayu banyak meminjam dari bahasa-bahasa lain khasnya bahasa Arab sama ada, huruf atau perkataan. Perkataan-perkataan yang dipinjam ini ada yang baharu dan ada yang telah lama. Pelbagai istilah digunakan bagi perkataan yang telah lama atau sering digunakan seperti kata serapan, lazim, sehati, dan lain-lain.

Kata serapan, kata popular, kata sehati atau kata lazim merujuk kepada kata yang biasa digunakan oleh penutur jati sesuatu bahasa seperti yang telah dirakam dalam kamus ataupun data korpus.

Zaharani Ahmad cenderung menggunakan istilah ‘lazim’ apabila menyebut penggunaan yang lazim (Zaharani Ahmad, 2008: 67). Za’ba (2009: 18&86-87), pula menggunakan istilah ‘kebiasaan ramai’ bagi menyatakan perkataan pinjaman yang biasa digunakan.

Nik Safiah Karim et.al (2008: 320) pula dalam *Tatabahasa Dewan* cenderung menggunakan istilah ‘popular’ seperti dalam subtopik *Penggunaan Popular*. Selain itu, kumpulan pengarang *Tatabahasa Dewan* (2008: 325) turut menggunakan istilah ‘serapan’ apabila menyebut kata pinjaman dari segi ejaannya terbahagi kepada kata asing yang belum sepenuhnya terserap ke dalam bahasa Melayu dan kata asing yang sudah sepenuhnya terserap ke dalam bahasa Melayu.

Ismail Dahaman (1996: 24), juga menggunakan istilah ‘serapan’ dalam bukunya *Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu* seperti dalam subtopik *Ejaan Kata Serapan daripada Bahasa Arab*, *Sebutan bagi Kata Serapan daripada Bahasa Arab* dan *Pengejaan Kata Serapan daripada Bahasa Arab*. Abdul Hamid (1993: 39) dalam bukunya *Ejaan Bahasa Melayu Terkini* pula menggunakan istilah ‘yang sudah lama’ dan ‘yang sudah sehati’ apabila membahaskan subtopik *Kekecualian Bagi Ejaan yang Sudah Lama*.

Kajian ini akan menggunakan istilah ‘popular’ untuk kata atau ejaan yang menyerupai maksud lazim, sehati, serapan, dan penggunaan ramai.

1.7.5 Korpus

Korpus (*corpus*) ialah data mentah linguistik yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis dan dianalisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa, atau leksikal sesuatu bahasa (Kamus Linguistik, 1997: 141).

1.7.6 Versi Arab dan Versi Latin

Terdapat KNKT sejarah Islam yang memiliki beberapa versi ejaan dalam ejaan BM Rumi. Ejaan-ejaan ini boleh dikategorikan kepada ejaan versi Arab dan ejaan versi Latin. Ejaan versi Arab yang dimaksudkan ialah ejaan KNKT BM Rumi meniru sebutan (bunyi) asal Arabnya sama ada ia menggunakan sistem transliterasi yang menggunakan lambang-lambang diakritik atau transliterasi secara pendekatan ad hoc yang tidak menggunakan lambang-lambang diakritik. Ejaan versi Arab ini memudahkan untuk merujuk semula ejaan asal Arabnya.

Manakala ejaan versi Latin ialah ejaan yang dirujuk daripada sumber Latin yang tidak meniru sebutan (bunyi) asal Arabnya. Bahasa Latin memiliki ejaan KNKT sendiri yang sama taraf dengan ejaan asal BA. Menurut Abdullah Abdul Razak (2006: 22), terdapat sebahagian nama tempat Arab yang telah mempunyai padanan dalam bahasa-bahasa asing yang ejaan Latinnya sangat berbeza dengan padanan ejaan Arabnya dan nama-nama tersebut telah popular serta telah beratus tahun digunakan. Bahasa Latin dan sumber Latin yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah bahasa Inggeris dan sumber rujukan yang ditulis dalam bahasa Inggeris.

Dalam hal ejaan Latin ini, pengkaji merujuk pelbagai sumber Latin seperti buku terjemahan Ibn Battutah oleh H.A.R. Gibb bertajuk *The Travels of Ibn Battutah*, buku *The Travels of Ibn Battutah* oleh Tim Mackintosh-Smith, *The Adventures of Ibn Battutah A Muslim Traveler of the 14th Century* oleh Ross E. Dunn, *The Travels of Ibn Battutah in the Near East, Asia and Africa 1325-1354* oleh Rev. Samuel Lee dan *The Illustrated World Atlas*.

1.8 Rasional Pemilihan Data

Rasional sesuatu data dipilih untuk dikaji perlu dijelaskan. Menurut Othman Lebar (2012: 66), perlu ada rasional yang menjelaskan mengapa latar yang spesifik itu lebih sesuai daripada yang lain perlu dijelaskan. Subtopik ini cuba menjelaskan justifikasi kitab *Rihlat Ibnu Battutah*, terjemahan PIB, data korpus DBP dan *Mu'jam al-Buldan* dipilih sebagai bahan kajian.

1.8.1 Kitab *Rihlat Ibn Battutah* (RIB)

Buku RIB sememangnya telah banyak menarik minat para sarjana untuk menjadikan bahan kajian mereka dalam pelbagai kajian sama ada sarjana Barat atau Melayu. Antara sarjana Barat yang memilih kitab Ibn Battutah sebagai kajian mereka ialah H.A.R. Gibb dalam terjemahannya *The Travels of Ibn Battutah*, Tim Mackintosh-Smith dalam buku *The Travels of Ibn Battutah*, Ross E. Dunn dalam *The Adventures of Ibn Battutah A Muslim Traveler of the 14th Century* dan Rev. Samuel Lee dalam *The Travels of Ibn Battutah in the Near East, Asia and Africa 1325-1354*.

Buku berprestij yang kaya dengan maklumat ini telah menjadi tumpuan kerana mencatat maklumat sejarah, budaya, geografi, dan berbagai-bagai lagi. Malah, bukan sahaja isi kandungan buku tersebut menjadi bahan kajian dalam kalangan pengkaji, buku yang diterjemahnya turut mendapat tempas yang sama. Sebagai contoh adalah seperti kajian tesis ini.

Rasional pengkaji memilih buku *Rihlat Ibnu Battutah* dan terjemahannya oleh Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd atas sebab-sebab berikut:

i. Ibnu Battutah dan kitabnya merupakan sumber autentik.

Dalam mengumpul dan menganalisis data, pengkaji mesti memeriksa kesahan data (*authenticity*) yang dikumpul. Dalam hal ini, sumber primer hendaklah diberi keutamaan (Ahmad Sunawari, 2006: 33). Karya Ibnu Battutah ialah karya agung dan prestij yang tidak menjadi pertikaian dalam kalangan sarjana tentang autentik kandungan teksnya. Ia layak menjadi sumber untuk dikaji oleh para sarjana. Dalam erti kata lain, penulisnya, iaitu Ibnu Battutah dan kandungan bukunya diiktiraf dan tiada wujud pertikaian.

Kitab RIB dianggap antara sumber primer sejarah Islam dan diakui oleh ilmuan Islam.

"ورحلة ابن بطوطة من ائمن المصادر لتاريخ..."
(‘Utbah, 1986: 226)

Ertinya

Rihlat Ibn Battutah merupakan antara rujukan sejarah yang paling berharga...

Pengkaji sejarah mengiktiraf RIB sebagai karya klasik yang amat bernilai. RIB menjadi satu-satunya sumber maklumat langsung tentang peristiwa politik, geografi dan keadaan sosio-ekonomi di beberapa buah kawasan dunia pada kurun ke-14 M.. (Syed Nurul Akla, 2001: 8).

ii. Bahan kajian yang cukup

Kata nama khas tempat (KNKT) merupakan antara yang menarik perhatian Ibnu Battutah sepanjang pengembaraannya selain nama-nama tokoh. Bahkan seperti yang disebut oleh Talal Harb dalam mukadimah RIB, KNKT berada di tangga kedua menarik perhatian Ibn Battutah untuk dicatat selepas nama-nama tokoh (RIB: 18). Nama-nama tempat yang dikunjungi adalah luas dan berlainan merangkumi *bilad* (negeri), *madinah* (kota), *husn* (kubu), dan kampung-kampung. Sebagaimana beliau menitikberatkan penceritaan tentang tokoh, begitulah juga tentang sesuatu tempat.

Ibn Battutah akan menceritakan sesuatu tempat yang menyangkut perkara-perkara berkaitan dengan tempat tersebut. Beliau sebenarnya menyebut setiap tempat yang disinggahi dan dilewatinya sama ada negeri, tempat, kampung, dan lain-lain. Perjalanannya yang panjang, iaitu selama 29 tahun dan sejauh lebih kurang 75,000 batu serta luas meliputi seluruh wilayah Islam dari barat ke timur yang menyebabkan beliau telah mencatat KNKT yang banyak dan mencakupi seluruh kawasan. Oleh yang demikian, KNKT yang dicatatkan oleh beliau cukup untuk menjadi data bahan kajian.

iii. Bahan kajian yang luas dan menyeluruh

KNKT dalam buku rihlat Ibnu Battutah ini mencakupi seluruh empayar Islam sama ada bahagian barat atau bahagian timur. Ibnu Battutah telah melawati banyak bandar utama wilayah Islam dan beliau menyebutnya dalam buku rihlatnya. Seterusnya, sesuatu yang sukar adalah untuk mendapati buku yang menyebut keseluruhan wilayah

Islam dalam sebuah buku. Tempat-tempat yang disebutkan oleh beliau ialah nama-nama tempat yang sering dan popular dalam karya-karya sejarah Islam atau teks sejarawi.

Selain itu, masa kelahiran Ibn Battutah yang lewat, iaitu antara tahun 703 Hijrah hingga 779 Hijrah, pada kurun kelapan Hijrah yang ketika itu umat Islam telah sampai ke serata tempat. Umat Islam telah sampai ke wilayah Andalus, Afrika Utara, Mesir, kepulauan Laut Mediterranean, Semenanjung Arab, Syam, Asia Kecil, Armenia, Iraq, Parsi, Asia Tengah, al-Sind, dan turut sampai ke kawasan Eropah melewati pergunungan Pyreness serta ke Constantinople.

iv. KNKT yang telah terkumpul

Ibn Battutah melawati negara Islam wilayah demi wilayah. Justeru, sudah tentulah apa-apa yang disebut berkaitan dengan KNKT tidak berselerakan. Dalam erti kata lain, beliau menyebut dahulu KNKT di wilayah Afrika, kemudian KNKT di wilayah Mesir, dan kemudiannya di wilayah Hijaz. Hal ini disebabkan kitab ini merupakan kitab rihlat dan beliau tidak menceritakan pembukaan Islam di Syam kemudian di Iraq kemudian ke Syam semula kerana teknik penulisan yang mengikut kronologi tahun atau mengikut zaman khalifah demi khalifah.

Menurut 'Utbah (1986: 226), Ibn Battutah telah merakam perkara yang dilihatnya di sebahagian besar negara yang wujud ketika itu. Beliau telah berjalan dari hujung barat sehingga ke bahagian timur dan selatan wilayah Islam.

1.8.2 Buku *Pengembaraan Ibn Battutah (PIB)* oleh Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd.

Bukan sekadar karya RIB sebagai sebuah karya yang cukup bernilai untuk dikaji, malah kajian dan analisis terhadap terjemahannya juga penting. Hal ini diakui sendiri oleh penterjemah RIB, Syed Nurul Akla (1999: 72). Penterjemahan bermutu yang dihasilkan sudah tentu dapat membantu para pembaca yang tidak dapat membacanya versi asalnya yang berbahasa Arab membacanya dalam bahasa Melayu.

Oleh sebab itulah, kajian ini memilih data terjemahan KNKT daripada buku terjemahan RIB ini. Karya terjemahan RIB yang diusahakan oleh gabungan kumpulan yang hebat merangkumi pihak penterjemah dan penerbit, iaitu Institut Kemahuan Islam Malaysia (IKIM) selaku penerbit, Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Dom selaku penterjemah, Ismail Haji Ibrahim dan Wan Roslili Abd. Majid selaku penyunting. Begitu juga, pengambilan jangka masa yang cukup panjang untuk proses penterjemahan, iaitu lebih sepuluh tahun tentunya memungkinkan menghasilkan hasil terjemahan yang terbaik.

1.8.3 Korpus DBP oleh Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamus didefinisikan sebagai buku yang mengandungi kata-kata (yang disusun menurut abjad) dengan keterangan mengenai makna perkataan (Kamus Dewan, 2007: 667). KNKT merupakan perkataan-perkataan yang tidak memiliki makna kamus. Oleh sebab itu, KNKT tidak dimasukkan ke dalam kamus. Belum ada pengumpulan KNKT sejarah Islam dalam satu kamus, himpunan/daftar kata atau glosari yang dihasilkan menggunakan bahasa Melayu.

Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan pilihan bahan yang dianggap sebagai piawai KNKT BM Rumi. Data Korpus DBP digunakan kerana tiada wujud kamus atau glosari lengkap yang menyenaraikan semua KNKT dalam versi bahasa Melayu Rumi. Menurut Muhammad Fauzi (2006: 13), konsep korpus data agak kurang digunakan dalam pengajian ilmu penterjemahan.

Dengan ini dianggap bahawa KNKT yang digunakan oleh penutur atau pengguna Melayu dan telah disenaraikan dalam Korpus DBP dapat memberi gambaran tentang sesuatu KNKT telah popular dalam bahasa Melayu atau belum, berdasarkan rekod penggunaannya khususnya aspek kekerapan.

1.8.4 Kitab *Mu'jam al-Buldan* oleh Yaqut al-Hamawi.

Mu'jam al-Buldan karangan Yaqut al-Hamawi (574-626 Hijrah) ialah karya ulung ilmuwan Islam dalam bidang geografi yang autentik. Ia merupakan antara karya geografi yang terawal dan terlengkap. Karya ini turut menyebut cara sebutan (bunyi) setiap KNKT sebelum menghuraikan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Karya ini ditulis 153 tahun sebelum kewafatan Ibn Battutah pada tahun 779 Hijrah.

Menurut 'Utbah (1986: 219-220), kitab *Mu'jam al-Buldan* adalah antara kitab geografi yang paling masyhur dan paling banyak bilangan kosakatanya. Selain itu, antara kelebihan kitab ini adalah pengarangnya meletakkan tanda baris pada setiap nama tempat yang disebutnya.

1.9 Kesimpulan

Umat Islam Melayu sama seperti umat Islam yang lain amat memerlukan kisah-kisah dan sejarah Islam buat pedoman hidup. Pihak-pihak tertentu perlu menterjemah kisah-kisah sejarah Islam ke dalam bahasa Melayu agar ia dapat sampai ke seluruh umat Islam Melayu. Namun, penterjemahan teks-teks sejarah Islam mendepani cabaran dalam menterjemah KNKT, iaitu aspek budaya yang disebut lebih mencabar daripada aspek linguistik.

Penterjemah KNKT memerlukan satu strategi penterjemahan agar hasil terjemahan KNKT menjadi seragam dan standard. Fenomena wujud pelbagai versi dan ragam ejaan untuk satu KNKT, sama ada kerana tiada satu strataegi yang disepakati semua memberi impak negatif kepada pengguna bahasa Melayu kerana ia menghasilkan kecelaruan ejaan. Justeru satu kajian untuk meninjau fenomena kecelaruan ejaan KNKT BM Rumi ini demi mengetahui hakikat sebenar dan mencari jalan penyelesaian agar satu ejaan baku yang standard dan strategi penterjemahan KNKT yang seragam dapat dihasilkan.

Secara umumnya, bab pertama ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Perkara-perkara yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi istilah telah dijelaskan secara terperinci dengan mengemukakan maklumat-maklumat berkaitan. Bab seterusnya akan membicarakan tentang sorotan kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim.

Abbas Mohd Shariff. (1999). Permasalahan Pengaruh Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Ringkas. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-7*. Persatuan Penterjemah Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Ejaan Bahasa Melayu Terkini*. Kajang: Masa Enterprise.

Abdullah Hassan. 1996. Pendidikan dan Patriotisme Malaysia. Dlm. Asraf. [pynt.]. *Manifesto Budaya Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. (hlm. 252-289). Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Abdullah bin Muhammad Basmeih. (1983). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Cetakan ke16. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Abdul Rahman Rukaini. (1996). Morfem Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu. Dlm. *Unsur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu* (hlm. 37-48). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu al-Nasr, Umar. (t.th). *Suyuf Umayyah fi al-Harb wa al-Idarah*. Beirut: Mansyurat a-Maktabah al-Ahliyyah.

Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub, dan Azman Che Mat. (2011). Himpunan Kata Usang dalam Kitab Terjemahan Bidayat al-Mubtadi' wa 'Umdah al-Awlad Daripada Bahasa Arab dan Analisis Makna. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13, 2011 Globalisasi Melalui Terjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi* (hlm. 229-237). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

Ahmad Sunawari Long. (2006). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Cetakan Kedua. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Ainon Mohd. (2007). *Panduan Menterjemah*. Cetakan ke-6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ainon Mohd. (1996). Masalah Bahasa Asing Sebagai Bahasa Penghantar. Dlm. Asraf. [pynt.]. *Manifesto Budaya Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. (hlm. 193-202). Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia

Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Edisi Kemas Kini. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Amat Juhari Moain. (1996). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Amat Juhari Moain. (1989). Sistem Ejaan Baharu dan Masalah Kesalahan Ejaan. Dlm. Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader [ed.]. *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia* (hlm. 107-130). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Hasan Dawi. (2002). *Pentoeoran Sosiologi dan Pendidikan*. Cetakan Ke-2. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Aminudin Mansor. (2012, November 25). Bersungguh-sungguh Martabatkan Bahasa Melayu. *Mingguan Malaysia*. hlm. 22.
- Anas Maulana Nuryadi. (2005). *Kata Nama Bahasa Arab dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif*. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Andy Bayu Nughoro & Johny Prasetyo, (2009). *Domestikasi dan Foreinisasi dan Dampaknya Terhadap Terjemahan. International Conference on SFL and Its Contributions to Translation Studies*. Surakarta 23 September 2009. 101.168.5.
- al-Asyqar, Umar Sulayman Abdullah. (1997). *Sahih al-Qasas al-Nabawi*. Cetakan ke-2. Beirut: Dar al-Nafais.
- Atlas Moden Malaysia dan Dunia Edisi Baharu*. (2007). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (1988a). Perlukah Bahasa Dirancang? Dlm. *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Ed. ke-3 (hlm 3-5). Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (1988b). Membina Bahasa dengan Ijtihad. Dlm *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Ed. ke-3 (hlm. 7-10). . Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (1988c). Mengapakah Bahasa Baku Masih Menjadi Persoalan? Dlm *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Ed. ke-3 (hlm. 11-15). Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (1988d). Pembicara Tatabahasa Perlu Mendalami Tatabahasa. Dlm *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Ed. ke-3 (hlm. 23-28) Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (1988e). Bahasa Malaysia Cemar? Dlm *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Ed. ke-3 (hlm. 49-51). Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (1988f). Bahasa Malaysia dan Pentadbiran. Dlm *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Ed. ke-3 (hlm. 81-83). Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub, (2010). *Kegunaan Transliterasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab*. GEMA Online™ Journal of Language Studies 19 Volume 10(2)2010. Universiti Kebangsaan Malaysia. (hlm. 19-35).

- Buku Manual Kajian Tindakan*. (2008). Edisi ke-3. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 Kaedah Penyelidikan*. Malaysia. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Deborah Cao. (2011). *Penterjemahan Undang-undang*. Terj. Hasuria Che Omar. Diterbitkan secara bersama oleh Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan Universiti Teknologi Mara: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Korpus DBP Dewan Bahasa dan Pustaka*. Laman Web. sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2006). *Koleksi Lembar Bahasa Bilangan 1*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu Jabatan Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dickins, James Sandor Hervey dan Ian Higgin. (2002). *Thinking Arabic Translation A Course in Translation Method: Arabic to English*. London and New York: Routledge.
- Goh Sang Seong. (2012). *Bahasa Cina Bahasa Melayu Kebolehterjemahan Budaya*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- al-Hamawi, Yaqut. (1990). *Mu'jam al-buldan*. Farid Abdul Aziz al-Jundi (tahqiq). Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.
- Hamka. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hassan, Muhammad Abdul Ghani. (1986). *Fan al-Tarjamah fi al-Adab al-Arabi*. Kaheerah: Dar wa Matabi' al-Mustaqbal.
- Hernandez, Gilberto Castaneda. (2004). *The Translation of Geographical Names*. Translation Journal. No. 2. April. (Vol. 8). Laman Web. <http://translationjournal.net/journal/28names.htm>.
- Al-Himyari, Muhammad bin Abdul Mun'im. (1984). *al-Rawdu al-Mi'tar fi Khabar al-Aqtar*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Hishomudin Ahmad, Arnida Abu Bakar dan Lubna Abdul Rahman. (2011). *Metode Penterjemah Kitab Tafsir Fi Zilal al-Quran dalam Bahasa Melayu: Satu*

Kajian Perbandingan. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13, 2011 Globalisasi Melalui Terjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi* (hlm. 727-742). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

Ibnu Battutah. (2002). *Rihlah Ibn Battutah al-Musammat Tuhfah al-Nazzar fi Ghara'ib al-Amsar*. Ed. Ke-3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Ibn Battutah. (2006). *Pengembaraan Ibn Battutah Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*. Ed. Ke-4. Terj. Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Ibnu Bathuthah. (2009). *Rihlah Ibnu Bathuthah*. Terj. Muhammad Muchson Anasy, MA & Khalifurrahman Fath, Lc. Indonesia: Pustaka al-Kautsar.

Ibn Hawqal, Abu al-Qasim bin Hawqal al-Nasibi. (t.th.). *Kitab Surah al-'Ard*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.

Ibn Khardazabah, Abu al-Qasim Ubaydillah bin Abdullah. (t.th.). *al-Masalik wa al-Mamalik*. Maktabah al-Thaqafah al-Diniyah

Ibrahim, Abdullah Abdul Razak. (2006). *al-Tarjamah al-Mabadi' wa al-Tatbiqat*. Ed. ke2. Mesir: Dar al-Nasyr lil Jamiat

Ibrahim Ahmad. (2006). *Metabahasa Kamus untuk Penutur Asli dan Golongan Pelajar: Suatu Perbandingan*. Dlm. *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Zubaidah Ibrahim, Abdul Rahim Mat Yassim dan Supramani a/l Shoniah [ed.]. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Idris Mansor. (2012). *Pengaruh Sosiobudaya dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Dlm. *Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ketiga 3-4 Oktober 2012* (hlm. 45-48). Serdang: Unit Bahasa Arab, Jabatan Bahasa Asing Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.

Idris Mansor. (2011). *Procedures and Strategies in the Translation into Malay of Cultural Element of Rihlat Ibn Battutah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. University of Leeds: School of Modern Languages & Cultures.

Ismail Bakar. (2009). *Sejarah Historiografi Islam*. Bangi: Jab. Peng. Arab & Tamadun Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Dahaman. (1996). *Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Istukhri, Abu Ishak Ibrahim bin Muhammad al-Farisi. (2004). *al-Masalik wa al-Mamalik*. al-Qahirah: al-Hai'ah al-'Ammah li Qusur al-Thaqafah.

Katharina Reiss. (2011). *Kritikan Terjemahan Potensi dan Batasan*. Terj. Noor Ida Ramli. Diterbitkan secara bersama oleh Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan Universiti Teknologi Mara: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

- Khairunnisa' Kaspin dan Farid Mat Zain. (2007). Perkembangan Intelektual di Andalus dan Pengaruhnya Terhadap Pembentukan Tamadun Eropah. *Prosiding Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan II Politik, Ekonomi, Sosial dan Intelektual Era Andalusi* (hlm. 67-92). Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud, Ali Abdul Halim. (1993). *al-Ghazwu al-Salibi wa al-Alam al-Islami*. Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Mat Rofa Ismail. (2006). *Falsafah Sains Pendekatan Kualitatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Hilmi Abdullah. (2008). *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*. Kota Baharu: Pustaka Hilmi.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan kelapan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mu'nis, Husin. (1987). *Atlas Tarikh Islam*. al-Kaherah: al-Zahra' Lil I'lam al-Arabi.
- Muhammad Arsyad Abdul Majid. (2009). *Terjemahan Arab-Melayu dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendepanan dalam Surah al-Baqarah*. Tesis Dr. Falsafah. Universi Malaya: Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Tengah.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Muhammad Fauzi bin Jumingan. (2012). Penterjemahan Ialah Satu Perniagaan (Kertas Kerja Utama). *Nadwah Bahasa dan Kesusteraan Arab Ketiga 3-4 Oktober 2012* (hlm. 122-137). Serdang: Unit Bahasa Arab Jabatan Bahasa Asing Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
- Muhammed Salehudin Aman. (2012, September 19). Kekalutan Ejaan, *ADAP Utusan Malaysia*.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Hj. Musa. (1992). *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Cetakan ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 1996. Pendahuluan. Dlm. *Unsur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu* (hlm. ix-xv). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhazlina Husin. (2011). Terjemahaan Kata Nama Khas dalam Terjemahan Teks Bukan Fiksyen. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13, 2011 Globalisasi Melalui Terjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi*. (hlm. 331-334). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Peter Newmark. (1994). *Pendekatan Penterjemahan*. Terj. Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratna Roshida Ab Razak dan Aiza Maslan @ Baharudin. (2009). Ketinggian Bidang Terjemahan Satu Manifestasi Bangsa Berilmu: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12, 2009. Kelestarian Bidang Penterjemahan* (hlm. 407-418). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Rokiah Awang. (2009). Penterjemahan Kata Nama Khas dalam Akhbar Melayu. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12, 2009. Kelestarian Bidang Penterjemahan* (hlm. 45-55). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Roosfa Hashim. (2009). *Menulis Ulasan Buku untuk Akhbar Majalah & Jurnal Ilmiah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien Sdn. Bhd.
- Ross E. Dunn. (1989). *The Adventures of Ibn Battutah A Muslim Traveler of the 14th Century*. Berkeley and Los Angeles, California: University of California Press.
- Rusli Abdul Ghani, Norhafizah Mohamed Husin dan Chin Lee Yim. (2008). Pangkalan Data Korpus DBP: Perancangan, Pembinaan dan Pemanfaatan. Dlm. Zaharani Ahmad [pynt.]. *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu* (hlm. 21-36). Ed. ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rusli Abdul Ghani. (2008). Bahasa Sasterawan dan Bahasa Awam. Dlm. Zaharani Ahmad [pynt.]. *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu* (hlm. 37-46). Ed. ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sager, Juan C. (1995). *Kursus Amali dalam Pemprosesan Istilah*. Terj. Sulaiman Masri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Samih Abu Maghli. (1998). *al-Kalam al-Mu'arrab fi Qawamis al-Arab*. Amman: Dar al-Fikr.
- Shurrab, Muhammad Muhammad Hasan. (1993). *Fi Usul Tarikh al-Arab al-Islami*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- al-Siba'i, Mustafa. (1987). *Min Rawa'i' Hadaratina*. Ed. ke-5. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Sidek Mohd Noah. (2011). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Ulang Cetak. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Siti Hartini Ahmad Suhaimi, Wan Kamal Mujani dan Ezad Azrai Jamsari. (2007). Permulaan dan Perkembangan Keilmuan di Andalus. *Prosiding Simposium*

Tamadun Islam Abad Pertengahan II Politik, Ekonomi, Sosial, dan Intelektual Era Andalusi (hlm. 187-205). Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sri Ramona Ahmad, Wan Rose Eliza Abdul Rahman, Narimah Samat, dan Anisah Lee Abdullah. (2011). Isu dan Cabaran dalam Menterjemah Istilah Teknikal Sistem Maklumat Geografi (GIS). *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13, 2011 Globalisasi Melalui Terjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi* (hlm. 306-318). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor. (2003). *Tatabahasa Melayu Mesra Pengguna*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2001). Faktor Leksis dan Budaya Dalam Terjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Karya Rihlah Ibn Battutah. Tesis Sarjana. Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Syed Nurulakla Syed Abdullah. (1999). Faktor Leksiko-budaya dalam penterjemahan Karya Rihlah Ibn Battutah. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-7*. Persatuan Penterjemah Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

The Travels of Ibn Battutah (1956). Terj. H.A.R. Gibb. Cambridge: Hakluyt Society.

The Travels of Ibn Jubayr. (2001). Terj. Roland Broadhurst. New Delhi: Goodword Books.

Tim Mackintosh-Smith. (2002). *The Travels of Ibn Battutah*. London: Picador.

The Travels of Ibn Battutah in the Near East, Asia and Africa 1325-1354. (2004). Ter. Rev. Samuel Lee. New York: Dover Publications, Inc.

al-Tunji, Muhammad. (2005). *al-Mu'arrab wa al-Dakhil fi al-Lughah al-Arabiyyah wa Adabuha*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-'Umari, Abdul Aziz Ibrahim. (1997). *al-Futuh al-Islamiyyah 'Abr al-'Usur Dirasah Tarikhiyyah li Harakat al-Jihad al-Islami min 'Usur 'Asr al-Rasul S.A.W. hatta Awakhir al'Asr al-'Uthmani*. Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-'Ilam/ Dar Isybilia.

'Utbah Abdul Rahman. (1986). *Ma'a al-Maktabah al-Arabiyyah Dirasat fi Ummahat al-Masadir wa al-Maraji' al-Muttasilah bi al-Turath*. Ed. ke3. Beirut: Dar al-Awza'i.

The Illustrated World Atlas. (2008). Sydney: Weldon Owen Pty Ltd.

Za'ba. (2009). *Rahsia Ejaan Jawi Edisi Ejaan Rumi Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)*. Asmah Haji Omar [ed.]. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Zaharani Ahmad. (2008). Data Korpus dan Nahu Praktis. Dlm. Zaharani Ahmad [ed]. *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu* (hlm. 15-20). Ed. ke-2. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharani Ahmad. (2008a). Pengimbuhan Memper-kan dengan Kata Adjektif. Dlm. Zaharani Ahmad [ed.]. *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu* (hlm. 65-88). Ed. ke-2. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidi Ismail. (2008). *Di Sebalik Kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaiton Mustapha. (2000). *Pengaraban Kata-kata Asing dan Pemelayuan Lafaz-lafaz Arab*. Disertasi Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkarnain Mohamed. (2007). Peranan Intelektual Yahudi Era Andalusī Dalam Pemindahan Khazanah Islam kepada Tamadun Eropah: Satu Analisis Dari Sudut Disiplin Kesusasteraan. *Prosiding Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan II Politik, Ekonomi, Sosial dan Intelektual Era Andalusī* (hlm. 283-290). Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.